



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN HAL EHWAL PENGGUNA

TEKS UCAPAN

**YB DATO' SRI ALEXANDER NANTA LINGGI
MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN HAL EHWAL PENGGUNA**

SEMPENA

PERHIMPUNAN BULANAN KPDNHEP JULAI 2022

PADA

20 JULAI 2022 (RABU)

TEMPAT

DEWAN SERBAGUNA ARAS G

TERIMA KASIH SAUDARA/SAUDARI PENGACARA MAJLIS

YB DATO' ROSOL BIN WAHID

TIMBALAN MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN HAL EHWAL PENGGUNA

YBHG. DATUK AZMAN BIN MOHD YUSOF

KETUA SETIAUSAHA KPDNHEP

YBHG. DATUK ROZIAH BINTI ABUDIN

TKSU (PEMBANGUNAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI) KPDNHEP

YBHG. DATIN ROSZANINA BINTI WAHAB

TKSU (PENDAYAUPAYAAN PENGGUNA) KPDNHEP

KETUA-KETUA AGENSI

PENGARAH-PENGARAH KANAN SEKTOR DAN PENGARAH-
PENGARAH BAHAGIAN

WARGA KERJA KEMENTERIAN

SALAM SEJAHTERA DAN SALAM KELUARGA MALAYSIA

Taming Sari dari Riau,
Bertemu Tuah di Melaka,
Dihunus tinggi penuh silau,
Dihias pencak silat petaka.

Sisir tembaga dipilin emas,
Tersisip rapi dalam hikayat,
Peranan SSM disemat kemas,
Demi manfaat sekian rakyat.

Kedidi lincah menjelang gerhana,
Menyusuri sungai bersama kelah,
TRP ibarat perisai pengguna,
Perjuang nasib tanpa lelah.

Pendahuluan

1. Saya bersyukur kerana kita dapat sama-sama berhimpun pada pagi ini untuk menghadiri Majlis Perhimpunan Bulanan KPDNHEP bagi Julai 2022. Saya difahamkan bahawa penganjur untuk perhimpunan kali ini adalah gabungan antara Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) dan Tribunal Rayuan Persaingan (TRP). Tahniah diucapkan kepada pihak penganjur.

2. Pada kesempatan ini, saya akan berkongsi secara ringkas berhubung aktiviti-aktiviti dan info semasa di KPDNHEP.

Insentif/aktiviti dan program SSM untuk 2022.

3. SSM sebelum ini menawarkan insentif pengurangan kompaun menerusi Akta Syarikat 1965 (Akta 125) bagi tempoh empat bulan, bermula dari 1 Mac 2022 hingga 30 Jun 2022. Menyelami kesukaran komuniti perniagaan yang rata-rata masih bergelut untuk kembali bangkit daripada kesan pandemik COVID-19, SSM mengambil langkah melanjutkan insentif ini untuk empat bulan lagi, berkuat kuasa mulai 1 Julai 2022 hingga 31 Oktober 2022. Bersandarkan insentif ini, syarikat dan pengarah syarikat layak mendapat pengurangan 90 peratus daripada nilai asal kompaun yang ditawarkan mengikut Akta 125. Mengikut rekod semasa, sebanyak 1,578 syarikat menikmati pengurangan kompaun sejak inisiatif ini diperkenalkan.

4. Selain itu, SSM juga mencadangkan pindaan bagi menambah baik peruntukan-peruntukan mengikut Akta 125 berkaitan mekanisme penyelamat korporat dan Skim Kompromi atau Perkiraan, bagi membolehkan syarikat yang berdepan masalah kewangan untuk memohon proses rehabilitasi korporat yang bersesuaian agar mereka boleh terus beroperasi (*stay afloat*).

5. SSM kini sedang giat menjalankan pelbagai aktiviti bagi merealisasikan Pelan Transformasi SSM (SSMTP) yang melibatkan beberapa projek hala tuju, di mana terdapat dua projek yang berjaya disiapkan iaitu Projek HT3-ROB (berkaitan Pendaftaran Perniagaan) dan Projek HT7 - Single Database (merujuk kepada Pangkalan Maklumat Tunggal).

6. Sebanyak tujuh projek kini sedang berjalan secara serentak yang melibatkan satu projek *quick win*, lima projek berkepentingan tinggi dan satu projek berkepentingan rendah.

7. Bagi merancakkan pertumbuhan ekonomi melalui sektor perniagaan, SSM memperkenalkan program bimbingan usahawan atau lebih dikenali sebagai PBU. Secara khususnya, PBU merupakan inisiatif SSM dalam membantu menyelami isu dan permasalahan yang dihadapi komuniti korporat dengan memupuk kesedaran dan meningkatkan pengetahuan kepada komuniti perniagaan terhadap kepentingan mendaftarkan perniagaan dengan SSM.

8. Dalam menjayakan program-program ini, SSM bekerjasama dengan agensi pembiayaan seperti TEKUN, MARA, AIM, Bank Rakyat, SME Corp dan PERNAS. Selain itu, SSM mendapat komitmen yang baik daripada Gabungan Peniaga & Penjaja Kecil Kebangsaan Malaysia serta perkhidmatan e-dagang iaitu Shopee.

Kes-kes rayuan di Tribunal Rayuan Persaingan.

9. Setakat Jun 2022, Tribunal Rayuan Persaingan (TRP) selesai mendengar 24 kes rayuan yang melibatkan Persatuan Insurans Am Malaysia (PIAM) dan 3 kes melibatkan perkhidmatan feri ro-ro ke Langkawi. TRP memaklumkan bahawa keputusan penuh kes-kes tersebut akan dikeluarkan dalam masa yang terdekat.

10. Saya juga dimaklumkan, terdapat dua lagi kes di TRP yang ditetapkan untuk pendengaran rayuan.

11. Sekretariat TRP giat menjalankan program advokasi dan setakat Jun 2022, sebanyak 8 program advokasi dijalankan iaitu di Sabah, Terengganu, Kelantan dan Johor. Lokasi seterusnya bagi program advokasi ini adalah di Sarawak yang akan diadakan pada hujung Julai tahun ini bersama dengan Dewan Usahawan Bumiputera Sarawak (DUBS).

Kes pendengaran di Tribunal Tuntutan Pengguna Malaysia (TTPM)

12. Berteraskan KPI Aspirasi Keluarga Malaysia, TTPM menyasarkan penyelesaian 100% pendengaran pertama terhadap 2,500 kes tertunggak bagi 2021 yang belum dibuat pendengaran pertama berikutan kesan langsung pandemik COVID-19. Setakat 22 Mei 2022, keseluruhan 2,500 kes tersebut selesai dibuat pendengaran pertama oleh TTPM seluruh negara, di mana sebanyak 1,917 kes daripadanya selesai.

Pindaan Akta Hak Cipta 2022

13. Selari keprihatinan kementerian terhadap golongan Orang Ketidakupayaan Cetakan (*Print Disability Person*), pindaan Akta Hak Cipta 2022 dikuatkuasakan pada 30 Jun yang lalu dengan memberi kuasa kepada Perpustakaan Negara dan persatuan bagi orang buta Malaysia untuk membuat, mengimport, mengeksport dan mengeluarkan apa-apa salinan format boleh akses daripada karya hak cipta **tanpa perlu mendapatkan kebenaran daripada pemunya hak cipta** bagi keperluan orang ketidakupayaan cetakan dan bukan berlandaskan keuntungan.

Kartel tipuan bida

14. Pada 5 Julai 2022, Suruhanjaya Persaingan Malaysia (MyCC) mengenakan penalti berjumlah RM1,548,192.36 terhadap 8 syarikat kerana penglibatan mereka dalam aktiviti tipuan bida melibatkan empat projek berkaitan IT yang diperoleh Akademi Seni Budaya dan Warisan Kebangsaan (ASWARA).

15. Keputusan ini mencerminkan komitmen MyCC untuk membanteras aktiviti tipuan bida, justeru saya berharap pendirian ini diterjemahkan dalam organisasi awam termasuk KPDNHEP yang diyakini berupaya menjana penjimatan perbelanjaan. Lebihan peruntukan sebegini boleh digunakan untuk kegunaan lain yang bakal membantu pembangunan ekonomi dan infrastruktur negara.

Hadirin yang saya hormati sekalian,

16. Seperti yang kita ketahui, usaha menghidupkan semula aktiviti ekonomi di dalam negara giat dijalankan, dan sebagai sebuah kementerian yang menjaga kepentingan perniagaan domestik, KPDNHEP turut melaksanakan pelbagai inisiatif, selari usaha 'ease of doing business'.

17. Kempen Beli Barangan Malaysia turut menjadi salah satu agenda yang akan diberi tumpuan bagi membantu pengusaha tempatan dalam menghadapi pertumbuhan ekonomi yang kurang memberangsangkan, terutama dalam waktu-waktu yang amat mencabar seperti pada masa ini. Pada masa yang sama ia menjadi suatu usaha yang berterusan untuk mempromosikan barangan Malaysia.

18. Selain itu, KBBM juga merupakan sebuah inisiatif yang akan membantu pengusaha tempatan terutamanya perusahaan kecil dan sederhana (PKS) dalam memasarkan produk dan perkhidmatan mereka di mana sektor PKS ini akan memainkan peranan penting dalam pembangunan ekonomi negara.

19. Langkah KPDNHEP untuk memperkasa dan melaksanakan KBBM adalah bertepatan dan sangat signifikan bagi mengimbangi cabaran dan tekanan globalisasi ekonomi semasa khususnya untuk merancakkan dan merangsang pertumbuhan ekonomi domestik melalui peningkatan pembelian dan penggunaan produk atau perkhidmatan tempatan.

20. Ingin saya mengambil kesempatan ini untuk menyarankan anda semua “jom sokong dan beli” kerana setiap perbelanjaan berupaya membantu memastikan ekonomi negara kita kekal berdaya saing. Hanya dengan berbelanja, impaknya akan melimpah dan kitaran ekonomi ini akan memberikan manfaat kepada pengekalan dan penambahan peluang pekerjaan.

Hadirin yang saya hormati sekalian,

21. Sebelum mengakhiri ucapan, saya sekali lagi ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada keluarga KPDNHEP atas usaha dan komitmen yang diberikan. Marilah kita berganding bahu untuk memulihkan ekonomi negara dengan semangat Keluarga Malaysia.

Sekian, terima kasih.